

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 30 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1532-L11775  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan had laju minimum untuk mengawal kesesakan di lebuhraya.
2. PN-1532-L11976  
**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) jumlah kakitangan awam (berstatus tetap) terkini mengikut gred antara tahun 2020 sehingga 2023 dan tiga bulan pertama tahun 2024; dan
  - (b) status terkini usaha Kerajaan untuk pelarasan gaji baharu penjawat awam.
3. PN-1532-L11612  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah kejayaan kempen untuk menarik pelancong tempatan dan luar negara bagi menghidupkan semula industri pelancongan di negara ini sekali gus memperkasakan industri pelancongan domestik.
4. PN-1532-L12318  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah pengisian dan peningkatan hubungan antara rakyat dengan rakyat (P2P) selain antara Kerajaan dengan Kerajaan (G2G) dalam sambutan jubli emas atau 50 tahun penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China dan untuk hubungan seterusnya pada masa hadapan.

5. PN-1532-L12014  
**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah polisi terkini bagi pelupusan dan kitar semula lambakan sisa panel solar dan langkah-langkah terkini oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
6. PN-1532-L12177  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan percetakan 1 juta naskhah Al-Quran sebagai respons terhadap penghinaan agama Islam di Sweden.
7. PN-1532-L11639  
**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah keputusan Kerajaan mengenai hak penganjuran Sukan SEA 2027 memandangkan mesyuarat Persekutuan Sukan Sea (SEAGF) telah memberikan hak penganjuran sukan dwi-tahunan itu kepada Malaysia.
8. PN-1532-L11766  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah Program Jualan Agro MADANI (JAM) telah berjaya membantu usahawan-usahawan tani untuk memasarkan produk mereka dan membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dalam masa yang sama.
9. PN-1532-L12237  
**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini terhadap pelaksanaan projek rintis Dasar Gaji Progresif yang melibatkan 1,000 buah syarikat.
10. PN-1532-L11683  
**Senator Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk memberi peluang kedua kepada golongan penagih yang menjalani rawatan pemulihan di pusat serenti dan dalam masa yang sama didedahkan untuk mempelajari bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sekurang-kurangnya 2 tahun atau bergantung kepada hukuman yang dikenakan bagi membolehkan kemahiran TVET ini digunakan kelak.

11. PN-1532-L11719  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian daripada pengguna berikutan peningkatan mendadak harga barangan keperluan ketika ini susulan langkah penyasaran subsidi diesel.
  
12. PN-1532-L11482  
**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan pelepasan karbon di Malaysia dan apakah perancangan Kementerian untuk memenuhi komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Iklim Paris 2015 mengenai perubahan iklim.
  
13. PN-1532-L11577  
**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pandangan Kementerian susulan tinjauan JobStreet yang mendedahkan 65 peratus pekerja Malaysia berminat untuk bekerja di luar negara khususnya golongan pekerja muda dan berpendidikan tinggi. Apakah inisiatif Kementerian dalam menangani potensi kehilangan segmen tenaga kerja yang berharga akibat *brain drain*.
  
14. PN-1532-L12000  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
  - (a) jumlah kes perjudian haram secara dalam talian yang telah dibanteras oleh pihak berkuasa pada tahun 2018 hingga 2023; dan
  - (b) tindakan yang telah diambil dan perancangan yang akan diambil bagi menangani kes perjudian haram secara dalam talian yang semakin serius.
  
15. PN-1532-L11819  
**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah jumlah kenderaan awam dan barangan serta jumlah syarikat yang diluluskan subsidi diesel di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) sehingga 1 Julai 2024 mengikut negeri-negeri di seluruh negara.

16. PN-1532-L11585

**Senator Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) apakah bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang akan diberikan perhatian dan pengkhususan secara lebih teliti dalam tempoh 10 tahun akan datang bagi mewujudkan penawaran yang bertepatan dengan permintaan yang wujud dalam bidang STEM; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dilaksanakan bagi mencerap bidang tersebut dalam sistem pendidikan negara yang seterusnya dapat mengglobalisasikan industri STEM secara meluas di Malaysia.

17. PN-1532-L11729

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan peratusan kawasan yang mendapat liputan internet memandangkan Kementerian pernah mengumumkan untuk memastikan lebih daripada 90 peratus kawasan di seluruh negara mendapat liputan internet dan apakah usaha Kementerian bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang mendapat liputan internet yang tidak memuaskan.

18. PN-1532-L11470

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kepastian bahawa hal ehwal agama-agama lain dijaga dan dibantu. Adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) seperti di Sarawak yang sangat efektif bagi mengekalkan keharmonian, sifat saling hormat menghormati dan membantu di kalangan rakyat Malaysia.

19. PN-1532-L11663

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak penstrukturan semula akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terhadap kedudukan kewangan KWSP dan kesan jangka panjang terhadap kestabilan simpanan persaraan pencarum.

20. PN-1532-L12107

**Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) pelan tindakan jangka panjang dalam menguruskan isu kesihatan mental di kalangan rakyat Malaysia yang semakin meningkat saban hari; dan

- (b) pelan tindakan jangka pendek sebagai langkah intervensi untuk mengawal kemerosotan kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia.
21. PN-1532-L11907  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah penetapan kawalan harga siling terhadap pengambilan lesen memandu kereta kelas D dapat membendung kenaikan harga di pusat latihan memandu dan tidak membebankan rakyat.
22. PN-1532-L11933  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil oleh institusi-institusi kewangan di Malaysia supaya kes kehilangan wang dari akaun bank simpanan pengguna tidak berulang lagi.
23. PN-1532-L11753  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan pihak Kementerian dalam menjadikan salah satu agensi di bawah Kementerian seperti MIMOS Berhad, sebagai salah satu pemain industri yang penting dalam mencapai sasaran Kerajaan dalam sektor semikonduktor dan industri elektrik dan elektronik (E&E) selari dengan perkembangan industri sekarang; dan
- (b) apakah pencapaian terkini yang dicapai oleh MIMOS Berhad.
24. PN-1532-L11931  
**Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) pendirian Kementerian mengenai data yang menunjukkan bahawa 76 peratus pengangguran adalah daripada golongan belia berumur antara 15 hingga 24 tahun yang kebanyakannya berpunca daripada ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri; dan
- (b) apakah langkah proaktif Kementerian untuk mengenal pasti jurang kompetensi ini dan memberikan sokongan kepada golongan belia ini tanpa mengira status pendidikan, kaum atau agama mereka.

25. PN-1532-L12074  
**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perincian lanjut mengenai penguatkuasaan pelesenan ke atas semua platform media sosial di Malaysia dan apakah pandangan Kementerian mengenai penguatkuasaan ini yang dilihat sebagai alat mengekang kebebasan bersuara di negara ini.
26. PN-1532-L12033  
**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan anggaran kos untuk membina dan menyelenggara dalam setahun untuk satu klinik kesihatan dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut dalam lima tahun kebelakangan ini. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyumberluar perkhidmatan klinik kesihatan sebagai satu langkah yang lebih kos efektif.
27. PN-1532-L12340  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah polisi yang telah diambil untuk meningkatkan tahap keberkesanan keterjaminan makanan memandangkan keadaan cuaca tidak menentu, peperangan global dan sikap negara pengeksport yang mengehadkan kadar eksportnya ke negara kita.
28. PN-1532-L11500  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memoden dan menaik taraf grid tenaga Malaysia supaya ia berupaya mengendalikan penambahan integrasi sumber tenaga boleh diperbaharui.
29. PN-1532-L12288  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan di bawah Perkara 14 (Kelahiran Dalam Negeri) bagi wilayah Sabah; dan
  - (b) langkah tuntas yang diambil dalam menyelesaikan lambakan permohonan daftar lewat Kad Pengenalan di wilayah Sabah yang membawa kepada keciciran dalam pendidikan tinggi dan pekerjaan dalam kalangan belia.

30. PN-1532-L11671  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi dan usaha-usaha untuk mengukuhkan bidang kemahiran dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memenuhi permintaan pelaburan dalam negara.
31. PN-1532-L12095  
**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah tawaran penerimaan ke universiti bagi pelajar India setelah menamatkan SPM dan STPM untuk sesi 2024.
32. PN-1532-L11570  
**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan input dan dapatan semasa berhubung cadangan untuk meletakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah bidang kuasa Parlimen Malaysia dan sejauh manakah sesi libat urus telah dilaksanakan bersama-sama pemegang taruh yang berkaitan.
33. PN-1532-L11892  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-  
(a) langkah-langkah komprehensif dalam membendung lambakan taska dan tadika tidak berlesen daripada terus berleluasa; dan  
(b) apakah jaminan Kementerian dalam memastikan pengendali taska dan tadika berdaftar secara sah.
34. PN-1532-L12024  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan pendidikan khususnya bagi kanak-kanak autisme di sekolah-sekolah awam dan adakah terdapat cadangan untuk memperluaskan program intervensi awal bagi kanak-kanak autisme di peringkat pendidikan pra-sekolah terutama sekali di kawasan luar bandar.
35. PN-1532-L11823  
**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-  
(a) pendirian Kementerian terhadap cerminan daya saing Malaysia yang menurun mengikut Kedudukan Daya Saing Dunia (WCR) 2024 di mana sebab utamanya adalah kurangnya keyakinan pelabur asing; dan

- (b) apakah bentuk reformasi pelaburan dan perdagangan yang telah dicapai serta memberi penilaian lebih positif kepada negara.
36. PN-1532-L11872  
**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah pesawah, nelayan dan pekebun kecil yang terkesan dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan pengapungan harga bahan api diesel dan apakah langkah yang diambil Kementerian dalam memastikan mereka tidak tercicir daripada senarai penerima subsidi diesel secara bersasar.
37. PN-1532-L12163  
**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam menangani bencana disebabkan bahan kimia berbahaya, aset petroleum di perairan dan pesisir laut dalam zon maritim Malaysia serta bencana atau malapetaka luar jangka yang memerlukan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan untuk mengkoordinasi kerja-kerja menyelamatkan.
38. PN-1532-L11799  
**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah bentuk pemudah cara serta galakan yang disediakan kepada rakyat wilayah Sabah dalam segmen pendapatan B40 dan M40 untuk memanfaatkan sumber tenaga solar bagi penjaan tenaga di rumah mereka khususnya yang selama ini berdepan dengan tanggungan utiliti yang tinggi.
39. PN-1532-L11838  
**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah hasrat penyertaan Malaysia ke dalam Blok Ekonomi Organisasi Antara Kerajaan, Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan (BRICS) ini selari dengan pendirian dan dasar luar Kerajaan Malaysia yang selama ini sentiasa menjalinkan hubungan baik dengan semua negara.
40. PN-1532-L12306  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah bilangan lepasan sekolah dan institusi pengajian tinggi yang berumur antara 18 hingga 31 tahun yang masih menganggur dan apakah langkah-langkah untuk mengurangkan kadar pengangguran bagi golongan ini.

41. PN-1532-L11744

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah usaha Kementerian untuk menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukkan oleh Kementerian kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi menampung pembayaran elaun kepada pengerusi dan setiausaha JPKK dan adakah pembayaran elaun tersebut dibayar secara bulanan.

42. PN-1532-L12137

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak Januari 2024 hingga kini, beberapa permohonan kewarganegaraan telah diproses bagi masyarakat India. Berapakah jumlah permohonan yang masih tertunggak dan daripada jumlah yang diproses, berapakah yang berjaya menerima kelulusan.

43. PN-1532-L12169

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Standard Operating Procedure (SOP) pembuatan baju atlet khususnya yang mewakili Malaysia di dalam Sukan Olimpik Paris 2024.

44. PN-1532-L11600

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi membantu meningkatkan kuasa membeli rakyat seiring peningkatan kos sara hidup dan kadar inflasi yang tinggi.

45. PN-1532-L12068

**Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) maklum balas yang diterima daripada majikan dan pekerja mengenai Dasar Gaji Progresif (DGP) serta isu-isu utama yang diketengahkan; dan
- (b) langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mengatasi masalah sebelum pelaksanaan penuh DGP pada Oktober nanti serta langkah-langkah untuk memastikan keberlanjutan dan peningkatan produktiviti.

46. PN-1532-L11647  
**Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah agen yang berlesen di bawah syarikat Program Malaysia Rumah Kedua Ku atau Malaysia My Second Home (MM2H) setakat ini dan apakah kriteria-kriteria yang membolehkan syarikat tersebut mendapatkan lesen MM2H.
47. PN-1532-L11737  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai semasa aset-aset Tabung Haji yang diserahkan kepada Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) berdasarkan Pelan Penstrukturan dan Pemulihan Tabung Haji yang diperkenalkan pada tahun 2018.
48. PN-1532-L11632  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status kedudukan pemain bola sepak kebangsaan Malaysia iaitu Faisal Halim dan apakah langkah keselamatan yang diambil agar tragedi tersebut tidak berulang lagi terutama kepada pemain yang meningkat naik.
49. PN-1532-L11441  
**Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pendirian Kementerian dalam menjadikan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) sebagai satu jabatan tunggal dan apakah rancangan Kementerian dalam memperkasakan kebajikan OKU melalui Kementerian atau agensi lain.
50. PN-1532-L11533  
**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah tahap penilaian bagi strategi pengiklanan dan promosi sektor pelancongan negara dianggap sebagai kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan negara jiran.
51. PN-1532-L12217  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menangani masalah perumahan polis di Pulau Redang, Terengganu yang tidak dapat menampung jumlah anggota polis yang ditugaskan di pulau tersebut.

52. PN-1532-L12129

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah masalah-masalah yang mungkin dihadapi dari pelaksanaan subsidi bahan api atau diesel bersasar dan bagaimana cara untuk mengatasinya supaya tidak menimbulkan kesusahan kepada rakyat. Adakah pihak Kerajaan juga mempunyai perancangan untuk melaksanakan subsidi bersasar bagi RON 95 pada masa akan datang.

53. PN-1532-L11968

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah persiapan Kementerian setakat ini dalam menghadapi sebarang ancaman pandemik yang boleh muncul pada bila-bila masa sahaja dan apakah perkembangan terkini penghasilan vaksin buatan tempatan.

54. PN-1532-L12201

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan peningkatan eksport produk pertanian tempatan ke pasaran luar negara dan seterusnya mengurangkan defisit imbalan perdagangan sektor pertanian negara.

55. PN-1532-L12141

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah insentif yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan untuk membantu perusahaan mikro mengakses pasaran tempatan dan antarabangsa, serta apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk membina rangkaian pemasaran yang lebih efektif dan menyokong perusahaan mikro dalam memperluaskan jangkauan pasaran mereka.

56. PN-1532-L11520

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah model pembangunan semula bandar yang di rancang oleh pihak Kerajaan dan adakah ia mengambil kira penglibatan komuniti asal bandar tersebut untuk memastikan mereka kekal di kawasan asal mereka.

57. PN-1532-L11761

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah program dan usaha yang disusun oleh Kementerian untuk melibatkan anak muda dalam dialog antara agama bagi menjadi pemangkin perpaduan antara agama negara ini.

58. PN-1532-L11708

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) latihan atau garis panduan keselamatan yang disediakan untuk melindungi atlet negara daripada diserang atau diugut oleh orang awam yang boleh membawa kepada kemudaratan fizikal dan mental atlet tersebut; dan
- (b) adakah langkah-langkah keselamatan sedia ada akan ditambah baik dengan sewajarnya susulan daripada kejadian serangan terhadap pemain sukan kebangsaan baru-baru ini.

59. PN-1532-L11571

**Senator Puan Anna Bell @ Suzieana Binti Perian** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah tempat letak kereta di beberapa buah hospital utama di Malaysia seperti Hospital Queen Elizabeth (HQE) di Sabah kerana terdapat pelbagai isu yang timbul antaranya terpaksa menunggu masa yang panjang sehingga berjam-jam untuk menunggu tempat letak kereta kosong atau ada juga yang terpaksa mencari tempat letak kereta di kawasan lain dan harus berjalan kaki jauh ke HQE kerana masalah tersebut.

60. PN-1532-L11830

**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan duti import dan duti eksais motosikal dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat.

61. PN-1532-L12269

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi memberi tekanan di peringkat antarabangsa untuk menghentikan krisis kemanusiaan dan genosid ke atas rakyat Palestin di Semenanjung Gaza oleh pihak Israel serta gesaan kepada negara lain supaya mengiktiraf Palestin sebagai negara yang berdaulat.

62. PN-1532-L11548

**Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan secara terperinci apakah impak nilai pelaburan yang dijangkakan menerusi penyertaan Malaysia dalam blok ekonomi BRICS.

63. PN-1532-L11994  
**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang diambil dalam memperkasakan Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) sebagai usaha untuk membendung kes penderaan kanak-kanak serta keganasan rumah tangga.
64. PN-1532-L12006  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah permohonan kewarganegaraan dan jumlah yang sedang diproses serta jumlah yang telah diluluskan bagi kawasan Parlimen Sarikei setakat tahun 2024.
65. PN-1532-L12229  
**Senator Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan inisiatif MADANI seperti Program Jualan Rahmah MADANI, Jualan Agro MADANI, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) mampu mengurangkan isu kemiskinan dan kos sara hidup dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan B40 dan sebahagian M40.
66. PN-1532-L12334  
**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif pihak Kerajaan terhadap program Malaysian Future Leaders School (MFLS). Adakah usaha ini turut diperluaskan kepada sekolah di luar bandar dan bukan hanya untuk pelajar cemerlang.
67. PN-1532-L12253  
**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kos bulanan yang ditanggung untuk mengoperasikan sebuah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di setiap negeri dan bagaimanakah PAWE mampu berfungsi secara signifikan bagi mendorong budaya hidup sihat dalam kalangan warga emas yang tidak berwaris bagi tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang.
68. PN-1532-L11880  
**Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi meningkatkan penglibatan belia dalam sektor koperasi serta menjadikan koperasi sebagai sumber perniagaan alternatif.

69. PN-1532-L11944  
**Senator Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status terkini pembangunan Pusat Latihan JAKOA di Paya Bungor, Kuantan, Pahang dan Pusat Latihan JAKOA di Kuala Terengganu, Terengganu.
70. PN-1532-L11567  
**Senator Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rasional Kementerian melantik 200 duta dalam talian untuk menangkis fitnah dengan menyampaikan maklumat sahih dan sejauh manakah perbincangan bersama Kementerian berkaitan telah dibuat bagi mengelakkan pertindihan bidang kuasa dalam perkara ini.
71. PN-1532-L11850  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) termasuk status perjanjian sepenuhnya JS-SEZ semasa Sesi Permukiman Pemimpin-pemimpin Malaysia-Singapura ke-10 pada bulan Oktober tahun 2023.
72. PN-1532-L11592  
**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah semasa pihak Kerajaan dalam membanteras aktiviti perjudian dan persundalan yang semakin berleluasa.
73. PN-1532-L11844  
**Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memperkasakan laluan kerjaya warga Orang Kurang Upaya (OKU) selepas mereka tamat di peringkat sekolah pendidikan khas.
74. PN-1532-L12346  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah terdapat insentif-insentif khas bagi menggalakkan wilayah Sabah dalam sektor-sektor tertentu misalnya sektor pembuatan kerana Sabah masih lagi ketinggalan berbanding negeri-negeri lain.

75. PN-1532-L11538

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan semasa kepada Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) negeri dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan bagi melaksanakan program pencegahan dan pemulihan penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang.

76. PN-1532-L11986

**Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah insentif-insentif terkini pihak Kementerian bagi menggalakkan belia untuk berkecimpung dalam bidang pertanian di negara ini.

77. PN-1532-L11462

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah status negara Malaysia sebagai negara yang berkecuali masih dikekalkan kerana ia sangat penting dari segi ekonomi untuk menarik pelaburan asing bagi merealisasikan perancangan strategik Ekonomi MADANI yang giat dilaksanakan.

78. PN-1532-L11490

**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan keselamatan dan kualiti makanan yang dijual di pasaran tempatan dan bagaimanakah Kementerian menangani isu pencemaran makanan dan minuman yang membahayakan kesihatan awam.

79. PN-1532-L12149

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menjalinkan usaha dengan lebih erat dengan Kerajaan negeri agar tanah-tanah berstatus pertanian yang terbiar dapat dipulih dan diaktifkan semula dengan program Penyusunan Semula Ekonomi Agropolitan dalam kalangan peserta graduan institusi latihan pertanian.

80. PN-1532-L11730

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha untuk memperkukuhkan institusi kekeluargaan yang semakin rapuh dengan kes-kes perceraian yang tinggi bahkan sehingga membawa kepada kes pembunuhan yang tragis.

81. PN-1532-L12323  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah yang telah diambil untuk membentuk sebuah majlis khas yang melibatkan semua institusi pemegang kepentingan manuskrip Melayu lama bagi melaksanakan pakatan pintar dan strategik dalam penyelarasan dan peningkatan usaha mengkaji manuskrip Melayu lama untuk diketengahkan kepada masyarakat setempat dan di peringkat antarabangsa.
82. PN-1532-L12197  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan unsur keganasan dan budaya hooliganisme dalam sukan dapat dihentikan.
83. PN-1532-L11508  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan mengintegrasikan kelestarian dan teknologi hijau ke dalam agenda sains teknologi dan inovasi Malaysia.
84. PN-1532-L11804  
**Senator Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian melalui agensi seperti MARDI bersedia bekerjasama dengan syarikat pengusaha padi dari negara luar seperti China dalam aspek teknologi terkini bagi penghasilan dan penanaman padi hibrid yang lebih berkualiti tinggi dan cepat matang untuk meningkatkan pengeluaran padi tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan negara terhadap beras import dari negara luar.
85. PN-1532-L11900  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes berkaitan jenayah dadah meliputi kesalahan membekal dan memiliki dadah setakat Mei 2024.
86. PN-1532-L11811  
**Senator Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha dan program Kementerian dalam mempromosi aktiviti pelancongan negeri-negeri di luar negara terutama bagi Negeri Terengganu pada tahun 2020, 2021, 2022, 2023 dan enam bulan pertama bagi tahun 2024.

87. PN-1532-L12285  
**Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kebenaran lesen kasino di Forest City, Johor Bahru.
88. PN-1532-L11696  
**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengimbangi kepentingan sektor-sektor pembuatan tempatan berbanding fokus kepada membawa pelaburan asing ke dalam negara dan apakah usaha khusus yang sedang dilakukan untuk memastikan pelaburan asing dan barangan import tidak menyebabkan keruntuhan sektor pembuatan tempatan.
89. PN-1532-L12189  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan menyediakan insentif dalam bentuk dana atau bantuan kaunseling kepada ibu bapa yang menjaga anak-anak yang istimewa/cacat terutama bagi anak autisme.
90. PN-1532-L12299  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan laporan terkini institusi atau negara asing yang wajar dijadikan pilihan untuk penubuhan Kursi Pengajian Melayu.
91. PN-1532-L11558  
**Senator Puan Anna Bell @ Suzieana Binti Perian** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) sama ada Kerajaan Persekutuan masih menyediakan peruntukan dalam Belanjawan 2023 dan 2024 untuk bantuan pembayaran elaun kepada Jawatankuasa Pembangunan Kemajuan Kampung (JPKK) bagi seluruh Malaysia; dan
  - (b) jumlah yang telah disalurkan kepada Sabah dan Sarawak bagi tahun 2023.
92. PN-1532-L12262  
**Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan bersepadu yang sedang dilaksanakan di seluruh negara dalam menjayakan agenda 'perang terhadap gula' dan adakah Kementerian telah mengemukakan syor-syor berkaitan kepada Kementerian Kewangan untuk menaikkan kadar cukai jualan secara progresif bagi produk minuman bergula yang diimport mahupun keluaran tempatan.

93. PN-1532-L11958

**Senator Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dakwaan pakaian rasmi Sukan Olimpik Paris 2024 bagi atlet Malaysia tidak melambangkan identiti dan imej Malaysia jika dibandingkan dengan pakaian rasmi edisi Sukan Olimpik sebelum ini. Berapakah peruntukan yang disediakan khusus untuk reka cipta dan hasil cipta pakaian rasmi Sukan Olimpik, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan SEA bagi atlet Malaysia sejak 2010.

94. PN-1532-L12062

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengembalikan semula pilihan raya di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

95. PN-1532-L12279

**Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai tindakan ke atas pelarian Rohingya yang tidak mempunyai pekerjaan sebaliknya mereka menyewa tanah-tanah pertanian di kampung-kampung untuk bercucuk tanam.

96. PN-1532-L12053

**Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha yang akan dilakukan bagi menambah sumber kewangan negara untuk menghadapi kemelut ekonomi sekarang.

97. PN-1532-L11704

**Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) status siasatan kes gangguan seksual di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tumpat yang didakwa dilakukan oleh seorang guru; dan
- (b) apakah garis panduan terkini yang diguna pakai bagi memastikan pelajar tidak mengalami gangguan seksual dan para guru terlindung daripada dakwaan palsu.

98. PN-1532-L11624

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah pelan pelaksanaan pihak Kerajaan bagi mengenal pasti usahawan-usahawan kecil desa dan luar bandar di negeri Pulau Pinang yang mempunyai potensi bagi memperluaskan perusahaan mereka ke luar negeri dan luar negara tanpa menanggung beban kos tambahan.

99. PN-1532-L11862

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan garis masa pelaksanaan levi berperingkat dan adakah Kementerian telah mengadakan sesi dialog awam (*town hall*) dengan semua pihak berkepentingan.

100. PN-1532-L12330

**Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat garis panduan yang terperinci untuk para universiti melantik lembaga pengarah atau pakar pusat seperti isu baru-baru ini yang menimbulkan kemarahan para pelajar di Universiti Malaya (UM).

101. PN-1532-L12065

**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah masalah serta kesan yang timbul akibat daripada fenomena perubahan iklim terhadap sektor pertanian di negara ini dan apakah langkah-langkah daripada pihak Kementerian untuk menangani masalah dan kesan-kesan tersebut.

102. PN-1532-L11604

**Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah statistik terkini berkaitan penipuan pakej haji dan umrah serta tindakan yang dikenakan ke atas syarikat yang terlibat dengan penipuan ini dan adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat.

103. PN-1532-L11653

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan semula caruman simpanan ASB RM5000 kepada Masyarakat Orang Asli seperti yang pernah dilaksanakan pada sekitar tahun 1990-an dahulu.

104. PN-1532-L12044

**Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan siasatan terkini tentang isu seorang pensyarah iaitu Datuk Dr. Zainuddin Wazir merupakan pakar pembedahan kardiotorasik yang telah diisytiharkan mufliis tetapi dilantik oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Adakah gaji dan imbuhan yang telah diterima oleh pensyarah tersebut diserahkan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia.

105. PN-1532-L11858

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) bilangan syarikat yang menggunakan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP); dan
- (b) kekangan yang dihadapi semasa menggunakan RCEP dan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan tahap penggunaan RCEP.

106. PN-1532-L12221

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan komitmen Kerajaan dalam memperkasakan keupayaan sektor agro makanan bagi mengatasi ketidakupayaan memenuhi keperluan domestik negara.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 14/2024) Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024  
**[ Menteri Pengangkutan ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
2. (D.R. 15/2024) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Pengangkutan ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R. 7/2024) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
4. (D.R. 21/2024) Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Digital ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
5. (D.R. 17/2024) Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
6. (D.R. 22/2024) Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**